

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Cara kenal telefon klon

**B**AGAIMANAKAH cara untuk mengenal pasti sesebuah telefon bimbit itu merupakan satu klon atau tiruan?  
- JEN, Batu Pahat.

Apabila dibincangkan mengenai telefon bimbit klon atau tiruan ini, terdapat dua jenis telefon itu diklonkan iaitu secara logikal atau fizikal. Soalan ini merujuk kepada telefon yang diklonkan secara fizikal.

Bagi telefon diklon secara logikal, merujuk kepada nombor telefon yang digunakan dipapar sebagai nombor seseorang tetapi nombor telefon sebenar adalah nombor lain. Kebanyakan perkara ini dilakukan dengan aplikasi yang menggunakan teknologi telefon berasaskan Internet atau teknologi VoIP (*Voice Over Internet Protocol*).

Kebanyakan telefon bimbit yang diklonkan secara fizikal ini berada dalam kategori telefon pintar. Telefon yang diklonkan secara fizikal ini mudah dikenali sebagai telefon tiruan. Telefon ini ditiru secara fizikal menyerupai telefon yang asli. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengenal pasti sama ada sesebuah telefon bimbit itu merupakan telefon tiruan atau asli.

**1.** Material atau bahan yang digunakan dan terdapat pada sesebuah telefon tiruan itu kelihatan seperti bahan murah atau tidak sepatutnya. Sebagai contoh, kebanyakan skrin sesentuh yang digunakan dalam sesebuah telefon pintar menggunakan gelas untuk skrinnya tetapi telefon tiruan atau klon menggunakan bahan murah seperti plastik atau lain-lain bahan. Kadang kala, rasa permukaan badannya juga tidak sama dengan telefon yang asli.

**2.** Membuat semakan spesifikasi bagi sesebuah telefon bimbit dengan membuat perbandingan antara spesifikasi terdapat pada kotak simpanannya dengan spesifikasi terdapat dalam telefon tersebut.

**3.** Membuat semakan perisian atau aplikasi terdapat dalam sesebuah telefon termasuk sistem pengoperasian yang digunakan. Kebiasaannya perisian atau aplikasi yang terdapat dalam sesebuah telefon klon tidak sama dengan telefon yang asli. Sebagai contoh, telefon iPhone menggunakan sistem pengoperasian iOS tetapi kebanyakan telefon klon iPhone menggunakan sistem pengoperasian Android.

**4.** Membuat semakan terhadap nombor siri dan nombor Pengenal pastian Peralatan Mudah alih Antarabangsa (IMEI) bagi sesebuah telefon bimbit menerusi laman web syarikat pengeluarannya. Sekiranya tiada, ia merupakan sebuah telefon klon. Nombor IMEI juga boleh diperolehi dengan mendail nombor \*#06#.